

Pulai Group rangkul tiga anugerah pelancongan

JOHOR BAHRU – Pulai Springs Bhd. (Pulai Group) telah berjaya merangkul tiga anugerah pada majlis Anugerah

- Pelancongan Johor tahun ini. Resort penginapan bertaraf lima bintang kumpulan tersebut, Pulai Springs Resort, telah memenangi Anugerah Berlian di bawah kategori hotel dan resort terbaik, sementara Pulai Desaru Resort, menggondol Anugerah Permata dalam kategori yang sama.

Selain itu, Qing's Place Restaurant di Pulai Spring Resort telah menerima Anugerah Cengklik dalam kategori restoran terbaik.

Anugerah-anugerah itu disampaikan oleh Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri, Datuk Hoo Seong Chang, yang mewakili Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman pada majlis yang berlangsung di sini semalam.